

# Perlis tidak akan ketinggalan — Abdullah

UM - 31/7/2007

KANGAR 30 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak mahu penduduk Perlis merasakan mereka ketinggalan dalam bidang pertanian hanya kerana saiz negeri ini yang lebih kecil berbanding dengan negeri-negeri lain.

Perdana Menteri menegaskan, disebabkan saiz yang terhad itu, Perlis perlu menghasilkan jenis tanaman yang sesuai dan mampu menghasilkan pulangan berlipat kali ganda.

Menurut Abdullah, langkah itu dapat dicapai dengan wujudnya Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Sime Darby di sini yang akan mengeluarkan 'Benih Perlis'.

"Jika terpaksa bersaing dengan negeri besar, jangan tanam tanaman yang sama.

"Tanam di negeri ini tanaman yang tempat lain tidak tumbuh dan pastikan tanaman itu berkualiti tinggi.

"Yang pentingnya walaupun kawasan kecil, pastikan apa yang ditanam nilainya berkali ganda tinggi dan hasilnya jadi besar," kata Abdullah ketika berucap melancarkan Wilayah Ekonomi Koridor Uta-

ra (Koridor Utara) peringkat negeri Perlis di sini hari ini.

Katanya: "Jangan susah hati kerana Perlis kecil. Majukan dengan standard yang tinggi kerana saya percaya kalau pendekatan ini digunakan ia akan meningkatkan sektor pertanian di Perlis. Walaupun kecil tetapi 'berliankan' Perlis."

Perdana Menteri turut memberikan contoh bagaimana Belanda, sebuah negara yang saiznya lebih kecil daripada Pahang, mampu menjadi pengeluar dan pengeksport hasil pertanian kedua terbesar dunia dengan memastikan tanamannya bernilai tinggi dan menggunakan sepenuhnya teknologi tinggi.

Padamasa yang sama, Belanda sentiasa memastikan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) sentiasa berperanan membantu mengeluarkan hasil pertanian berkualiti dan setiap produk pertanian negara itu boleh dipasarkan ke seluruh dunia, katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, pelbagai strategi dirangka bagi mencapai matlamat pembangunan yang pesat dan

menyeluruh di Perlis menerusi penjana transformasi yang akan memajukan sektor pertanian dengan menjadikan negeri ini sebagai pusat R&D bioteknologi bertaraf dunia.

"Cuaca di Perlis yang amat sesuai bagi pembiakan benih serta lokasi yang strategik akan menjadikan Perlis sebuah pusat pembangunan benih yang ulung di rantau ini dan mencapai kelas dunia," katanya.

Perdana Menteri yakin pembinaan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Sime Darby yang akan mengeluarkan Benih Perlis mampu menyumbang kepada pendapatan negara.

Ketika ini, katanya, perbelanjaan membeli benih tanaman dari luar negara menjangkau RM100 juta setahun.

Pada masa yang sama, katanya, pusat pembangunan benih itu mampu memacu pembangunan k-ekonomi yang pesat di Perlis manakala pembangunan sektor bioteknologi pula dijangka menarik ramai pakar penyelidikan pertanian ke negeri ini.